

Muhyiddin Cabar Pembangkang Keluarkan Kenyataan Hapus Produk 1Malaysia Bernama
21 April, 2013

MUAR, 21 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Ahad mencabar pembangkang mengeluarkan kenyataan untuk menghapuskan lebih 200 produk 1Malaysia yang sudah diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) sekiranya memenangi pilihan raya umum kali ini.

Muhyiddin berkata Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Rafizi Ramli dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng perlu menjawab dan memperjelaskan kepada rakyat bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan pelbagai bantuan lain yang dihulurkan BN kepada rakyat adalah tidak berguna dan tidak memberi apa-apa faedah.

"Rafizi sudah buat kenyataan, dia kata kalau kami (pembangkang) menang, kami akan hapuskan BR1M.

"Ada 200 jenis produk 1Malaysia, apakah pembangkang boleh buat kenyataan untuk hapuskan kalau mereka menang (nanti), minta Rafizi dan Guan Eng jawab," katanya berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Kampung Sri Pantai, Jalan Junid, di Muar.

Menurut Muhyiddin, pembangkang sudah tentunya tidak akan menjawab mengenai perkara itu dan sekiranya mereka tidak mengeluarkan sebarang kenyataan, maka amat jelas produk dan dasar-dasar yang sudah diperkenalkan kerajaan selama ini terbukti benar dalam meningkatkan taraf hidup rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata bantuan-bantuan yang diberikan kerajaan termasuklah subsidi yang sudah terbukti mensejahterakan rakyat dan sehubungan itu, tiada sebab untuk rakyat memilih pembangkang pada pilihan raya umum kali ini.

Sementara itu, Muhyiddin berkata kerajaan akan meneruskan bantuan dan program-program memajukan sektor perikanan bagi meningkatkan hasil keluaran dan taraf hidup nelayan.

Beliau berkata peningkatan hasil amat penting bagi menampung keperluan masyarakat yang bertambah supaya bekalan tidak terjejas sekiranya berlaku krisis atau malapetaka.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh juga memperkenalkan calon BN yang akan bertanding kerusi Parlimen Muar, Datuk Razali Ibrahim dan calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Maharani Datuk Zulkhairi Ahmad serta DUN Sungai Balang Zaiton Ismail kepada pengundi yang hadir yang kebanyakannya golongan nelayan.

Beliau kemudian menyampaikan bantuan enjin bot kepada nelayan sebelum bersarapan pagi bersama mereka.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943916>